

D618

U B705 AAB  
MAHATHIR - MASJID

KUANTAN, 7 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MENYIFATKAN DAKWAAN KONONNYA KEJADIAN MEMBAKAR MASJID DI NEGERI PAHANG DILAKUKAN OLEH RAKYAT INDONESIA, SEBAGAI TIDAK BERASAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SETAKAT INI PIHAK BERKUASA TIDAK MEMPUNYAI BUKTI YANG MENUNJUKKAN RAKYAT INDONESIA YANG MELAKUKAN KEJADIAN ITU.

MEREKA DATANG KE NEGARA INI SEMATA-MATA HENDAK Mencari PEKERJAAN, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN RASMI TIGA HARI KE PAHANG. BELIAU DITANYA MENGENAI DAKWAAN ITU YANG TERSEBAR DI KALANGAN ORANG RAMAI DI NEGERI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUDUHAN ITU TIDAK BERASAS DAN DIBUAT SECARA MELULU. BAGAIMANAPUN SESIAPA YANG MEMPUNYAI BUKTI YANG MENGAITKAN MEREKA DENGAN KEJADIAN MEMBAKAR MASJID ITU BOLEHLAH MEMAKLUMKANNYA KEPADA PIHAK BERKUASA UNTUK DIAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA.

BELIAU BERKATA, POLIS MASIH MENERUSKAN SIASATAN DAN HINGGA KINI TELAH MENERIMA BEBERAPA MAKLUMAT BERTHUBUNG DENGAN KEJADIAN ITU. -- LAGI.

1125MST 07 09 87

U B708 AAB  
MAHATHIR - MASJID 2 KUANTAN

PERDANA MENTERI BERKATA, MAKLUMAT ITU BAGAIMANAPUN TIDAK BOLEH DIUMUMKAN KEPADA ORANG RAMAI PADA KETIKA INI KERANA PIHAK BERKUASA MASIH MEMBUAT SIASATAN MENGENAINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN MEMANDANG SERIUS KEJADIAN MEMBAKAR MASJID ITU DAN BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN PAHANG KERANA DAPAT MEMBENDUNG PERASAAN RAKYAT NEGERI ITU TERHADAP PERBUATAN TERSEBUT.

+KITA SEDANG Mencari JALAN UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG TERLIBAT. TETAPI YANG PASTI KUMPULAN ITU KECIL BILANGANNYA,+ KATA BELIAU.

PADA 30 OGOS LALU, DUA BUAH MASJID DI DAERAH PEKAN IAITU MASJID KAMPUNG SERAMBI MUSNAH DALAM KEBAKARAN MANAKALA MASJID KAMPUNG TEMIR TENGAH, YANG TERLETAK KIRA-KIRA 15 KM DARI MASJID PERTAMA, SEPARUH TERBAKAR.

PADA KEESOKANNYA TIGA BUAH LAGI MASJID IAITU MASJID KAMPUNG KUALA TRIANG DAN MASJID KAMPUNG BOHOR BARU, KEDUA-DUANYA DI DAERAH TEMERLOH DAN MASJID KAMPUNG NYAK, MARAN JUGA TERBAKAR. -- LAGI.

1131MST 07 09 87

U B711 AAB  
MAHATHIR - MASJID 3 KUANTAN

POLIS MENAWARKAN HADIAH \$50,000 KEPADA SESIAPA YANG MEMBERI MAKLUMAT HINGGA TERTANGKAP DAN TERHUKUMNYA MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM PEMBAKARAN MASJID ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI RAKYAT SUPAYA TIDAK MEMPERCAYAI DAKWAAN KONONNYA RAMAI ORANG MELAYU TELAH MENINGGALKAN AGAMA ISLAM DAN MEMELUK KRISTIAN, TANPA SEBARANG BUKTI YANG NYATA.

BELIAU BERKATA DAKWAAN SEDEMIKIAN BOLEH MENGGUGAT KESTABILAN DAN KEAMANAN NEGARA INI KERANA IA MUNGKIN MENCETUSKAN BUSUHAN ANTARA PENGANUT KRISTIAN DAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT PELBAGAI KAUM DAN AGAMA TELAH HIDUP RUKUN DAMAI DI NEGARA INI TETAPI SEKARANG TERDAPAT PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG SENGAJA MENERUHKAN KEADAAN DENGAN MEMBUAT DAKWAAN ITU.

+SAYA TELAH MENDENGAR BANYAK CERITA MENGENAI PERKARA ITU, HINGGA ADA PIHAK YANG MENDAKWA 66,000 ORANG MELAYU TELAH MEMELUK AGAMA KRISTIAN TETAPI DAKWAAN ITU TIDAK DISERTAKAN DENGAN BUKTI.

+YANG SAYA TAHU, MUNGKIN ADA ORANG BUKAN ISLAM YANG MEMELUK AGAMA ISLAM KERANA PERKAHWINAN DAN KEMUDIAN MUNGKIN BERLAKU PERCERAIAN DAN MEREKA BALIK KE AGAMA ASAL,+ KATA BELIAU.

YANG TURUT HADIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU IALAH MENTERI BESAR DATUK KHALIL YAAKOB, MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK DAN MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK. -- BERNAMA.

115AMST 07 09 87